

BIL 2 2024



# BULETIN JSG

JABATAN SAINS GUNAAN  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG





# ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator

**01**

## Akademik

|                                 |           |
|---------------------------------|-----------|
| 3 rd ICoSeMT & 2 nd INoDEX 2023 | <b>02</b> |
| Kunjungan Dekan FSG             | <b>05</b> |
| Bengkel Kurikulum Program Baru  | <b>06</b> |
| Inovasi Keusahawanan            | <b>07</b> |
| Road to SPM: SMKTAT             | <b>12</b> |

## Stem

|                            |           |
|----------------------------|-----------|
| Karnival Kimia Malaysia    | <b>13</b> |
| Sains ke Desa              | <b>14</b> |
| Explorace PHY145           | <b>16</b> |
| Karnival STEM Pulau Pinang | <b>18</b> |
| Bridge Challenge           | <b>20</b> |
| STEAM Challenge            | <b>22</b> |

## Aktiviti

|                      |           |
|----------------------|-----------|
| Fotografi Merdeka    | <b>24</b> |
| Gotong-royong 5S JSG | <b>26</b> |
| Free Market 6.0      | <b>28</b> |

## Riadah

|                           |           |
|---------------------------|-----------|
| Ping Pong Piala TRHEA     | <b>29</b> |
| Ping Pong Bersama Perodua | <b>30</b> |
| Santai-santai Petanque    | <b>31</b> |

# STEAM CHALLENGE

---

**Marina Mokhtar**

Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada murid tingkatan satu dari empat buah sekolah yang terpilih di sekitar Seberang Perai Tengah iaitu SMK Pauh Jaya, SMK Sama Gagah, SMK Guar Perahu dan SMK Tun Hussein Onn telah dijemput untuk menyertai program STEAM Challenge ini. Program ini telah diadakan pada 18 hingga 19 Oktober 2023 yang lalu. Murid-murid telah dibahagikan kepada sepuluh (10) kumpulan . Setiap kumpulan telah dibimbing oleh dua (2) orang fasilitator dari Kelab Pelajar My STEM Ambassador UiTM Cawangan Pulau Pinang dan USM.



Aktiviti pada Hari Pertama adalah bengkel STEM bersama pakar dalam bidang kejuruteraan elektrik. Bengkel pertama adalah bengkel tenaga solar yang telah dibimbing oleh Profesor Madya Ts. Ir. Dr. Mohd. Najib bin Mohd. Hussain, bengkel kedua ialah bengkel tenaga angin telah diberikan oleh Dr. Intan Rahayu binti Ibrahim dan bengkel terakhir adalah bengkel IoT dan bandar pintar yang telah diketuai oleh Dr. Siti Juliana binti Abu Bakar. Murid-murid ini telah

didedahkan dengan aplikasi STEM di dalam setiap bengkel tersebut bagi membuka minda dan kefahaman mereka tentang tenaga, IoT dan bandar pintar.

Aktiviti pada Hari Kedua adalah melibatkan aktiviti inovasi dengan tema ‘Smart City’. Kesemua kumpulan telah diminta untuk menghasilkan Model Smart City daripada bahan-bahan yang dibekalkan termasuk kit tenaga solar dan angin. Di akhir sesi, setiap kumpulan dikehendaki untuk mempersembahkan model masing-masing. Setiap model telah dinilai oleh juri. Setiap kumpulan telah mendapat hadiah sebagai tanda penghargaan dan cenderahati kerana terlibat dengan program ini.

